

Muslimah Halaqah lawat tempat menarik di Daerah Tutong

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Rabu, 21 Mac. - Seramai 25 orang dari Kumpulan Muslimah Halaqah Brunei Darussalam mengadakan lawatan ke tempat-tempat menarik di Daerah Tutong yang dikendalikan oleh Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong, melalui Pakej Destinasi Tutong, Tutong City Tour.

Rombongan memulakan lawatan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong, dan menyaksikan ahli-ahli mengadakan aktiviti-aktiviti kegunaan dan masakan, pertunjukan memasang sinjang dan dasar, serta membeli hasil kraf tangan dan produk-produk makanan yang dijual di PKWE.

Lawatan diteruskan ke kedai pembuatan produk coklat dan kraf tangan, Lahaba Jaya di Kampung Sengkarai, yang mempamerkan dan menjual hasil kraf tangan yang menarik dan produk-produk makanan daripada Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkarai, dan singah di Masjid



KUMPULAN Halaqah Brunei Darussalam mencuba sampel produk coklat yang diusahakan oleh Lahaba Jaya, di Kampung Sengkarai.

Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong bagi destinasi terakhir.

Dalam temu bual bersama ketua rombongan, Dayang Hajah Zainab binti Haji Zainal Abidin, lawatan bertujuan untuk mengenal lebih

dekat mengenai Negara Brunei Darussalam kepada kumpulan tersebut, yang terdiri daripada wanita warganegara antarabangsa, di samping mempromosikan hasil-hasil kerja tangan



KUMPULAN Halaqah Brunei Darussalam tertarik dengan hasil kraf tangan yang dipamerkan di Lahaba Jaya, Kampung Sengkarai.

keusahawanan yang terdapat di kampung-kampung yang tiada di pasaran.

Bagi Dayang Nurazura Rossi binti Abdullah yang berasal dari Itali pula menjelaskan,

pengalaman yang dialami dalam lawatan tersebut sangat menarik, terutama sekali dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan di PKWE dan layanan yang mesra di sepanjang lawatan tersebut.

Bengkel tingkatkan pengetahuan isu Fiqh



MAHASISWA dan mahasiswa Sarjana dan Doktor Falsafah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) selaku pendamping dalam bengkel ini menunjukkan cara-cara Tayammum dilakukan.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

JERUDONG, Rabu, 21 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) dengan kerjasama Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah

Maryam, Kampung Jerudong telah mengadakan Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i (Tayammum).

Bengkel yang julung kali diadakan disertai oleh lebih 45 peserta, terdiri daripada masyarakat umum, para muallaf serta ahli jemaah takmir masjid

dan telah diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, di sini.

Bengkel yang memfokuskan kepada Fiqh Amali ini disampaikan secara teori dan praktikal dengan bimbingan Felo Penyelidik PPMS, UNISSA, Dr. Nuroil Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Ismail, selaku pemudharcara dan dibantu oleh para mahasiswa dan mahasiswi Sarjana dan Doktor Falsafah, PPMS selaku pendamping.

Pada bengkel tersebut, Dr. Nuroil Huda antara lain menerangkan pengertian Tayammum yang bermaksud, menyampaikan tanah yang suci pada muka dan dua tangan dengan niat sebagai ganti kepada wudhu, mandi wajib dan membasuh sebahagian anggota.

Selain itu, bengkel juga bertujuan untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam, perihal isu-isu Fiqh dan cara menghayati pengamalannya, di samping mengetengahkan peranan PPMS dalam menyebarkan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah, khasnya pegangan Mazhab Syafi'i kepada masyarakat umum.

Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i merupakan bengkel bersiri dan selain dari bab Tayammum turut mengadakan bab lain seperti pengurusan jenazah.



FELO Penyelidik PPMS, UNISSA, Dr. Nuroil Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Ismail menyampaikan taklimat pada bengkel tersebut.

Video tular kes curi di LTAB tidak benar

Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Mac. - Jabatan Penerbangan Awam (JPA) mengambil maklum ke atas isu mengenai dengan pemasangan Televisyen Litar Tertutup (CCTV) di *loading / unloading* Cargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan kecurian barang-barang kargo penumpang yang telah pun tular di media sosial baru-baru ini.

Sehubungan itu, JPA dengan ini mengesahkan bahawa ada berlaku kejadian kehilangan beberapa barangan keperluan pribadi, yang telah dilaporkan ke Polis Diraja Malaysia di Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2) dan bukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Penumpang berkenaan bersama keluarga telah pun mengikuti penerbangan AirAsia - AK 273, Bandar Seri Begawan - Kuala Lumpur (BWN - KUL) pada Isnin, 19 Mac 2018.

Berikutan penyiasatan yang telah dibuat, JPA ingin mengesahkan bahawa tiada unsur-unsur jenayah dilakukan sepanjang proses *loading / unloading* beg berkenaan, sehingga ia dibawa masuk ke pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

JPA dengan ini memaklumkan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), khususnya kawasan-kawasan terkawal memang dilengkapi dengan CCTV yang diawasi 24 jam oleh pihak Polis Lapangan Terbang.

Di samping itu juga, setiap syarikat penerbangan ada melantik sekuriti penerbangan yang ditugaskan memastikan setiap proses pemunggahan bagasi sentiasa dalam pengawasan dan selamat. Semua petugas-petugas yang beroperasi di kawasan terkawal juga diperiksa dan dipantau, bagi memastikan tidak ada sebarang unsur-unsur jenayah berlaku. Pemeriksaan yang dibuat adalah mengikut Standard Operation Procedure (SOP) sebelum dan selepas menjalankan tugas.

Keselamatan termasuk segala aktiviti di dalamnya merupakan satu keutamaan di LTAB.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya akan sentiasa memastikan keselamatan bagasi masing-masing, dan untuk tidak meninggalkannya tanpa diawasi serta mengambil langkah-langkah keselamatan dengan menyimpan barang-barang berharga di dalam beg *hand carry* dan memastikan beg yang *dchecked-in*, dikunci dengan rapi.

JPA mengalu-alukan sebarang perkongsian maklumat daripada orang ramai mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, adalah dipohonkan juga kerjasama orang ramai untuk menghentikan penularan berita yang mengelirukan ini.

Seperti yang terkandung di bawah Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Chapter 148), penularan maklumat yang palsu dan tidak benar merupakan kesalahan yang membawa hukuman tiga tahun penjara atau denda sebanyak BND3,000 atau keduanya sekali.

JPA menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah mempercayai dan menularkan sebarang maklumat yang disebarkan melalui internet dan / atau media sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan atau rujukan mengenai apa jua maklumat yang diperlukan bolehlah berhubung terus ke JPA melalui talian (673)2344112 / (673)7297188 atau melayari laman sasawang jabatan <http://www.mincom.gov.bn/dca>, atau menghantar e-mel terus ke info.dca@civil-aviation.gov.bn.